

Adun BN Selangor Tarik Balik Usul Hudud

Bernama

Jun 13, 2014

KUALA SELANGOR, 13 Jun (Bernama) -- Semua anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor daripada Barisan Nasional (BN) hari ini bersetuju menarik balik usul yang meminta kerajaan negeri mengkaji kebarangkalian pelaksanaan hudud untuk dibentangkan pada persidangan DUN bermula Isnin ini.

Ketua Pembangkang DUN Selangor, Datuk Mohd Shamsudin Lias berkata penarikan balik usul itu adalah untuk memberi peluang kepada 15 Adun daripada PAS mengemukakan sendiri usul berkenaan memandangkan hudud adalah agenda utama perjuangan parti tersebut.

Usul itu sebelum ini dicadangkan Adun Sungai Air Tawar daripada BN, Kamarol Zaki Abdul Malik, katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

"Selepas mengadakan perbincangan lanjut dengan semua Adun termasuk Pakatan Rakyat semalam, kita putuskan untuk menarik balik usul itu daripada dibentangkan pada sidang DUN minggu depan.

"Sebenarnya, usul yang ingin kita bawa itu bukan untuk kemukakan rang undang-undang mengenai pelaksanaan hudud di negeri ini tetapi kita hanya mahu tahu kesediaan kerajaan negeri untuk menjalankan hukum hudud," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1046018>